


SULIT

- 1 Antara berikut, yang manakah betul tentang faktor pengeluaran tanah.
 - A Contoh bangunan
 - B Mobiliti geografi yang tinggi
 - C Faktor pengeluaran yang dicipta
 - D Boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui
- 2 Rajah 1 di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran



Rajah 1

Yang manakah berkaitan dengan titik Y.

- A Masalah pilihan
 - B Pengeluaran terbatas
 - C Lebih input pengeluaran
 - D Kekurangan sumber ekonomi
- 3 Maklumat berikut berkaitan masalah yang dihadapi oleh satu unit ekonomi.





Pembinaan Pasar Awam Pasir Gudang terpaksa dijadikan pilihan kedua kerana keutamaan diberikan kepada Pembersihan Sungai Kim-Kim

Unit ekonomi tersebut bertindak sedemikian kerana

- A Tiada permintaan lot kedai oleh peniaga di Pasir Gudang
- B Membersih Sungai Kim-Kim lebih menguntungkan penduduk setempat
- C Penduduk Pasir Gudang ingin jadikan Sungai Kim-Kim sebagai tempat riadah
- D Hasil yang diperolehi cukup untuk menampung perbelanjaan pembersihan Sungai Kim-Kim

- 4 Mengapakah sistem ekonomi negara Amerika Syarikat lebih baik berbanding sistem ekonomi negara Korea Utara
- A Mengutamakan barang keperluan rakyat
 - B Pendapatan antara rakyat tidak ketara
 - C Sumber digunakan secara optimum
 - D Kos pengeluaran rendah
- 5 Antara berikut, yang manakah betul tentang penurunan permintaan petrol
- I Harga LPG menurun
 - II Cukai barang dan perkhidmatan di mansuhkan
 - III Kerajaan menaikkan cukai kereta import dan tempatan
 - IV Spekulator meramalkan harga petrol meningkat pada masa depan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 6 Mengapakah keluk penawaran beralih ke kiri?
- A Daya pengeluaran meningkat
 - B Citarasa pengguna bertambah
 - C Lambakan barang import berlaku
 - D Firma bermatlamat memaksimumkan untung

7 Rajah manakah berkaitan dengan kesan perubahan matlamat firma daripada memaksimumkan untung kepada memaksimumkan jualan.



- 8 Jadual 1 di bawah menunjukkan keanjalan harga permintaan bagi dua jenis barang.

Barang	Nilai Keanjalan Harga Permintaan
A	-2.29
B	0.89

Jadual 1

Yang manakah yang betul tentang barang tersebut.

	Barang A	Barang B
A	Merupakan barang mesti	Merupakan barang mewah
B	Keluk penawaran lebih curam	Keluk penawaran lebih landai
C	Pekali keanjalan lebih besar daripada 1	Pekali keanjalan kurang daripada 1
D	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga

- 9 Syarikat X meningkatkan penawaran baju daripada 160 helai kepada 260 helai selepas berlaku kenaikan harga daripada RM1.50 kepada RM2.00.

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut?

- A 0.53
 B 0.87
 C 1.54
 D 1.88
- 10 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan keanjalan harga penawaran tak anjal
- A Pelbagai kegunaan
 B Banyak barang pengganti
 C Firma banyak dalam pasaran
 D Mobiliti faktor pengeluaran rendah

- 11 Antara berikut, pernyataan manakah betul berkenaan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai.
- A Encik Dhiro membeli dua buah komputer riba ketika promosi 50% untuk kakitangan awam
 - B Cik Darshita membandingkan harga telefon di sembilan buah kedai sebelum membelinya
 - C Puan Maisarah menjelaskan bayaran kereta sebanyak RM500 sebulan di bank perdagangan
 - D Tuan Shiva telah membayar deposit RM10000 untuk rumah barunya
- 12 Antara berikut, pernyataan manakah yang menunjukkan bank pusat memainkan peranan sebagai jurubank kepada bank perdagangan ?
- A Menerbitkan sijil pelaburan kepada setiap institusi kewangan bank
 - B Memudahkan urusan pembayaran hutang antara bank perdagangan
 - C Memastikan rizab asing sentiasa mencukupi di semua bank perdagangan
 - D Memberi pendahuluan sementara kepada bank perdagangan yang menghadapi masalah aliran tunai
- 13 Kemudahan pembiayaan manakah sesuai bagi sesebuah perniagaan yang menghadapi masalah aliran tunai dalam jangka pendek.
- A Overdraf
 - B Pinjaman bercagar
 - C Pinjaman peribadi
 - D Mendiskaunkan bil pertukaran

- 14 Apakah persamaan deposit tabungan dengan deposit semasa yang disediakan oleh bank perdagangan ?
- I Disediakan buku akaun simpanan
 - II Kemudahan menggunakan kad ATM
 - III Boleh memohon kemudahan overdraf
 - IV Pengeluaran wang pada bila-bila masa
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 15 Pernyataan manakah betul berkenaan kemudahan pembayaran perintah sedia ada
- I Bayaran tetap dan berulang
 - II Contoh bayaran insurans nyawa
 - III Pembelian secara bayaran tertangguh
 - IV Memudahkan majikan membuat pembayaran gaji
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Jadual 2 di bawah menunjukkan pelbagai jenis pekerjaan bagi penduduk di Kampung Sri Medang.

Pekerjaan	Peratus (%)
Guru	10
Tentera	25
Petani	20
Pekerja kilang pakaian	30
Ejen pelancongan	8
Pengurus ladang	7

Jadual 2

Berapakah peratus penduduk yang terlibat dalam sektor utama?

- A 20%
 - B 27%
 - C 35%
 - D 45%
- 17 Situasi manakah betul berkenaan bayaran pindahan
- A En Wang menerima bayaran bulanan daripada pihak kerajaan selepas menamatkan perkhidmatan sebagai kakitangan awam
 - B Puan Nurryn menerima wang tunai sebanyak RM 800 setiap bulan daripada Cik Deena kerana menggunakan rumahnya
 - C Haziq menerima ganjaran sebanyak RM 300 daripada Hakimi kerana membawa motosikalnya pulang ke kampung
 - D Akibat kesanggupan berpisah dengan wang tunai, Prakash menerima ganjaran sebanyak RM2500 pada awal tahun

18 Maklumat di bawah berkaitan dengan pendapatan produktif.

Pendapatan Produktif
Menyumbang tenaga mental atau fizikal dalam proses pengeluaran
Memberi hak penggunaan kepada orang lain
Sanggup menanggungkan perbelanjaan semasa
Sebahagian daripada keuntungan syarikat
X

Apakah jenis pendapatan X?

- A Sewa
- B Upah
- C Faedah
- D Untung

19 Pilih perbezaan antara keperluan dan kehendak individu yang betul.


	Keperluan	Kehendak
A	Barang yang pelbagai jenis	Barang yang sama jenis
B	Tiada mempunyai unsur kemestian	Mempunyai unsur kemestian
C	Harga barang tidak dikawal oleh kerajaan	Harga barang dikawal oleh kerajaan
D	Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	Dipengaruhi oleh pendapatan

- 20 Pernyataan manakah betul berkenaan kelebihan kaedah pembayaran kredit.
- A Diterima secara meluas
 - B Harga barang lebih murah
 - C Barang terus menjadi hak milik
 - D Meringankan beban kewangan pembeli
- 21 Pilih pernyataan yang betul tentang input tetap.
- I Tetap wujud walaupun output sifar
 - II Contoh ialah polisi insurans kebakaran
 - III Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang
 - IV Berubah secara langsung dengan tingkat output
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 22 Bagaimanakah kerajaan membendung perubahan harga yang melampau ?
- I Menetapkan harga lebih rendah daripada harga keseimbangan
 - II Mengatasi lebihan dan kekurangan barangan dalam pasaran
 - III Menarik balik bantuan kewangan kepada peniaga
 - IV Menarik balik peniaga yang mengingkari arahan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 23 Antara berikut, yang manakah kesan positif inflasi sederhana ?
- A Tingkat harga naik
 - B Guna tenaga meningkat
 - C Tabungan akan bertambah
 - D Imbangan pembayaran positif

- 24 Pengangguran kitaran berlaku disebabkan oleh...
- A keluaran negara menurun
 - B maklumat pekerjaan sukar diperolehi
 - C kekurangan mobiliti buruh dari segi kelayakan
 - D menunggu peluang pekerjaan yang selari dengan kelayakan
- 25 Pernyataan manakah betul tentang dasar fiskal mengembang ?
- A Tingkat harga umum meningkat secara berterusan
 - B Meningkatkan permintaan secara keseluruhan
 - C Perbelanjaan mengurus diminimumkan
 - D Kadar cukai ditingkatkan
- 26 Situasi manakah berkaitan dengan hasil bukan cukai ?
- A Sabrina membayar cukai jalan kenderaannya di Jabatan Pengangkutan Jalan.
 - B Encik Azwar terpaksa membuat bayaran kerana membawa masuk pekerja asing dari Indonesia.
 - C Firma Phia membayar cukai kepada Jabatan Kastam Malaysia atas pembelian barang-barang makanan dari China.
 - D Fatin membayar cukai kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang atas perkhidmatan pembersihan di kawasan kediamannya.
- 27 Cukai yang lebih membebankan golongan B40 berbanding golongan atasan merupakan cukai....
- A pintu
 - B pendapatan individu
 - C keuntungan hartanah
 - D barang dan perkhidmatan

- 28 Bagaimanakah bank negara mengatasi masalah kenaikan harga barangan yang melampau ?
- I Menurunkan kadar cukai
 - II Melonggarkan syarat sewa beli
 - III Menjual surat jaminan kerajaan
 - IV Memendekkan tempoh bayaran balik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 29 Antara maklumat di bawah, yang manakah betul tentang dasar kewangan mengembang ?
- A Pertumbuhan ekonomi akan terbantut
 - B Keluaran negara akan semakin berkurang
 - C Mengatasi masalah pembaziran tenaga buruh
 - D Bermatlamat mengurangkan bekalan wang dalam pasaran
- 30 Kepentingan perdagangan antarabangsa yang manakah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara ?
- A Perluasan pilihan pengguna
 - B Menikmati harga barang yang lebih murah
 - C Meningkatkan mobiliti buruh ke negara lain
 - D Pemindahan dan penggunaan teknologi lebih pesat
- 31 Sekatan perdagangan yang manakah yang tidak menjejaskan hubungan dua hala antara rakan dagang ?
- A Tarif
 - B Kuota
 - C Embargo
 - D Sekatan bukan ekonomi

- 32 Rajah 2 di bawah berkaitan kesan pemberian subsidi oleh pihak kerajaan dalam membantu firma tempatan dalam pasaran antarabangsa.



Rajah 2

Berapakah jumlah kuantiti barangan tempatan ?

- A $0Q_3 + Q_0Q_2$
 - B $0Q_0 + Q_1Q_2$
 - C $0Q_4 + Q_0Q_2$
 - D $0Q_3 + Q_1Q_2$
- 33 Trend harga minyak mentah global menjunam akan memberi kesan kepada akaun...
- A Akaun dagangan
 - B Akaun perkhidmatan
 - C Akaun pendapatan primer
 - D Akaun pendapatan sekunder

- 34 Pertambahan manakah yang menyebabkan imbalan dagangan cenderung defisit?
- A Barang import dari luar negara
 - B Pelaburan asing ke dalam negara
 - C Kiriman wang pekerja asing ke negaranya
 - D Kemasukan pelancong asing ke dalam negara
- 35 Pernyataan manakah direkodkan dalam Akaun pendapatan sekunder
- A Universiti Teknologi Malaysia menggunakan pensyarah dari United Kingdom
 - B Kerajaan Malaysia memberi sumbangan kepada mangsa tsunami di Jepun
 - C Malaysia meningkatkan pelaburan di negara China dan Korea Selatan
 - D Syarikat Teguh membekalkan perabot jati ke negara Eropah
- 36 Mengapakah mata wang asing penting bagi Malaysia ?
- I Menarik pelabur asing
 - II Membiayai eksport ke negara asing
 - III Membayar balik pinjaman ke asing
 - IV Mempertahankan nilai Ringgit Malaysia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 37 hingga *soalan 40* berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

<i>Pilihan</i>	<i>Pernyataan I</i>	<i>Pernyataan II</i>
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37** I Kombinasi di luar keluk kemungkinan pengeluaran merujuk kepada kekurangan sumber ekonomi.
II Tingkat teknologi moden dan terkini merupakan andaian keluk kemungkinan pengeluaran.
- 38** I Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kanan ke kiri.
II Harga dan kuantiti diminta berhubungan secara langsung.
- 39** I Indeks harga pengguna diukur dengan membandingkan harga purata barangan tahun dasar dengan tahun semasa.
II Indeks harga pengguna yang semakin meningkat menunjukkan negara sedang mengalami masalah inflasi. .
- 40** I Jika nilai Ringgit Malaysia dijangka meningkat, permintaan Ringgit Malaysia pada masa sekarang akan menurun.
II Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia menyebabkan eksport negara semakin menurun.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT